



PARLIMEN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

LARIAN CERGAS PARLIMEN 2026 PARLIMEN MALAYSIA BUKTIKAN KOMITMEN AGENDA KECERGASAN NASIONAL

KUALA LUMPUR, 25 JULAI 2026 – Parlimen Malaysia melakar sejarah baharu hari ini apabila penganjuran Larian Cergas Parlimen 2026 berjaya menyatukan lebih 600 peserta daripada pelbagai lapisan masyarakat, sekali gus memperkukuh agenda kecergasan nasional dan inisiatif "Merakyatkan Parlimen".

Acara ini telah disempurnakan oleh Yang di-Pertua Dewan Rakyat, YB Tan Sri Dato' Dr. Johari bin Abdul bersama-sama Yang di-Pertua Dewan Negara, YB Senator Dato Awang Bemee bin Awang Ali Basah yang seterusnya melancarkan pelepasan larian sejauh 5KM bermula di pintu utama Parlimen Malaysia.

Kehadiran Ahli Parlimen yang turut serta seiring dengan orang awam bukan sahaja memecahkan tembok birokrasi, malah menjadi platform strategik dalam mengeratkan silaturahim antara institusi Parlimen dan rakyat.

Parlimen Malaysia juga secara rasminya telah mengumumkan komitmen untuk memperluaskan inisiatif ini ke semua 222 kawasan Parlimen di seluruh negara secara berfasa melalui pelancaran “222 MY Cergas Parlimen Hybrid Run”. Langkah ini bagi memastikan budaya hidup sihat disemai sehingga ke akar umbi, selaras dengan aspirasi Ahli Parlimen yang proaktif menyokong kesejahteraan komuniti di kawasan masing-masing.

Penganjuran ini bakal menjadi lembaran baharu terhadap kejayaan Parlimen Malaysia sebagai manifestasi ke arah mencapai pengiktirafan ke dalam *Malaysia Book of Records* terhadap usaha kecergasan di peringkat nasional dengan penglibatan seluruh Ahli Parlimen.

Pihak Parlimen Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada My Creative Moments selaku penganjur bersama dan semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak, demi melahirkan warga Malaysia yang lebih cergas, aktif, dan sejahtera.

Inisiatif ini membuktikan bahawa ruang lingkup Parlimen Malaysia tidak terhad sebagai sebuah institusi legislatif semata-mata, tetapi menjadi tunjang kepada usaha bagi merakyatkan gaya hidup sihat buat seluruh rakyat Malaysia.

-TAMAT-

**BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
PARLIMEN MALAYSIA
25 JULAI 2025**